

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 18.3.2015

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) garis masa pembaikan 1608 sekolah-sekolah kritikal yang diumumkan dalam Rancangan Pendidikan Nasional 2020; dan
- (b) sama ada RM1 bilion pembaikan sekolah-sekolah di Sarawak yang diumumkan oleh Menteri pada Februari 2014 telah pun diberikan kepada Kerajaan Negeri. Perincian juga penggunaan dana tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

- a) Semua sekolah tanpa mengira jenis dan lokasinya telah mendapat perhatian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya sekolah-sekolah yang daif dan berada dalam keadaan kritikal. Namun demikian keutamaan penambahbaikan sesebuah institusi pendidikan itu bergantung kepada keadaan fizikal dan keupayaan kewangan kerajaan. Garis masa pembaikan tersebut berasaskan kepada peruntukan melalui bajet tahunan pada setiap tahun dan juga perancangan lima tahun seperti melalui Rancangan Malaysia Ke-10 dan seterusnya dalam RMKe-11.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RM1 Billion yang diumumkan bukanlah satu peruntukan yang telah diluluskan. Pengumuman berkenaan hanyalah baru di peringkat cadangan. Perkara ini masih dalam peringkat perbincangan lanjut di peringkat Kementerian bagi mengenalpasti dan memuktamadkan pembinaan/pembaikan bangunan sekolah yang terlibat di bawah peruntukan ini. Sebagai makluman, pada tahun 2014 sahaja, sebanyak 22 projek pembangunan infrastruktur pendidikan telahpun diluluskan bagi negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4 projek merupakan projek yang bernilai lebih daripada RM5 juta setiap satu, manakala 18 projek lagi adalah projek-projek naik taraf yang bernilai kurang daripada RM5 juta setiap projek.

RJM40